

09 SEP 1996

PETRONAS AKAN TERUSKAN PROJEK DI IRAN, KATA CEO

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Petroliam Nasional Bhd (Petronas) akan meneruskan projek carigali minyaknya di Iran, presiden dan ketua pegawai eksekutifnya Datuk Mohamed Hassan Marican berkata hari ini.

"Kami telah memperolehi maklumat daripada pelbagai pihak supaya meneruskan janji niaga itu," beliau memberitahu pemberita selepas pembukaan Persidangan Teknologi Penggerudian Asia Pasifik di sini.

Petronas mempunyai 30 peratus kepentingan di dalam medan-medan Sirri A dan E di Iran yang pertama kali diberikan kepada Total, sebuah syarikat minyak Perancis, pada tahun 1995.

Petronas menandatangani satu perjanjian dengan Total pada Jun 1996 untuk kepentingan 30 peratus dan memperolehi kelulusan daripada National Iranian Oil Company pada awal Julai.

"Medan itu mempunyai rizab yang boleh diperolehi sebanyak 600 juta tong dan jumlah pelaburan yang diperlukan untuk memajukan kedua-dua medan minyak itu adalah AS\$600 juta," kata Mohamed Hassan.

Amerika Syarikat telah mengancam untuk mengenakan sekatan di bawah Akta Sekatan Iran-Libya ke atas firma-firma bukan AS yang melabur AS\$40 juta atau lebih setahun di sektor-sektor minyak dan gas di kedua-dua negara Timur Tengah itu.

Pembabitan Petronas di Iran, melalui anak syarikat milik penuhnya Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd, telah memeranjatkan kalangan golongan minyak dan politik memandangkan ancaman sekatan AS itu.

Tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa Malaysia mempunyai hak untuk membuat keputusannya sendiri sama ada untuk melabur di Iran.

Perbadanan minyak negara itu telah cergas di dalam penerokaan di seberang laut untuk mencapai matlamatnya memperolehi 30 peratus daripada hasilnya daripada penerokaan antarabangsa menjelang tahun 2005.

Petronas dipercayai terbabit di dalam aktiviti-aktiviti huluan dan juga hiliran di Filipina dan Afrika Selatan, aktiviti huluan di Syria, Pakistan dan Iran dan aktiviti hiliran tunggal di China, India, Yemen, Dubai, Australia, Argentina dan Myanmar.

Terdahulu, di dalam ucapannya Mohd Hassan berkata permintaan untuk minyak di rantau Asia-Pasifik dijangka berkembang daripada 18 juta tong sehari (t/h) pada 1995 kepada kira-kira 20 juta t/h dalam tahun 2000.

Di samping rizab yang berkurangan, adalah berkemungkinan bahawa ketidakimbangan antara bekalan dan permintaan di rantau ini akan terus meluas, tambahnya.

Proses pengindustrian di rantau ini telah menyebabkan permintaan lebih tinggi untuk keluaran-keluaran petroleum, terutamanya bagi penjana kuasa dan keperluan pengangkutan.

Mohd Hassan berkata cabaran yang menghandapi industri minyak termasuk keperluan bagi teknologi baru dan dipertingkatkan bagi membolehkan pengusaha-pengusaha minyak supaya lebih cekap dan berkeberkesanan kos dan memajukan sumber-sumber tenaga manusia yang mahir, berpengetahuan dan cekap.

Mengiktiraf pentingnya teknologi di dalam industri minyak, Petronas telah menubuhkan bahagian pengurusan sumber teknologi bagi menerajui pembangunan penyeldidikan dan teknologi, tambah beliau.

Mohd Hassan berkata memandangkan adanya tenaga manusia yang amat mahir pada kos yang agak rendah di Malaysia, perbadanan-perbadanan antarabangsa

patut menimbang untuk menempatkan semula atau menubuhkan
kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan baru di negara ini. --
BERNAMA

JSM OS/sia